

**UPM Hargai 28 Pelajarnya ke Sukan SEA ke-25***Naib Canselor beramah mesra dengan 6 pemenang pingat emas Sukan SEA.*

SERDANG, 10 Februari - Universiti Putra Malaysia (UPM) menghargai 28 pelajarnya dengan memberi insentif dan sijil melalui majlis Apresiasi Atlet UPM Kejohanan Sukan SEA ke-25 Vientiane, Laos di sini.

Majlis itu merupakan penghargaan kepada pelajar UPM yang telah mewakili negara dalam beberapa acara pada Sukan SEA dari 9 hingga 18 Disember tahun lalu.

Daripada keseluruhan 30 pingat yang diraih oleh atlet UPM/negara, sebanyak 8 pingat emas, 10 pingat perak dan 12 pingat gangsa berjaya dikutip oleh mereka.

Antara atlet UPM yang cemerlang ialah atlet lompat bergalah, Roslinda Samsu yang berjaya memecahkan rekod Sukan SEA dengan mencatat ketinggian 4.15 meter dan atlet terjun, Leong Mun Yee yang mendapat 2 pingat emas.

*Atlet terjun, Leong Mun Yee menerima sijil daripada Naib Canselor.*

Naib Canselor UPM, Prof. Datuk. Dr. Nik Mustapha R. Abdullah dalam ucapannya berkata majlis itu sebagai tanda terima kasih dari universiti kepada semua pelajarnya yang menyumbang pencapaian sukan buat universiti dan negara.

"Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan sekalung tahniah buat Roslinda di atas kejayaan beliau yang berjaya memecahkan rekod kejohanan," katanya.

Ketua Pusat Sukan UPM, Hamzah Ismail berbangga dengan sumbangan atlet UPM di temasya tersebut kerana sebahagian atlet yang mewakili negara terdiri daripada pelajar UPM.

Sementara itu Roslinda terharu kepada UPM yang menghargai pencapaian pelajar universiti yang mewakili negara dalam temasya tersebut.

"Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada UPM kerana memberi peluang kepada saya untuk terus belajar walaupun terpaksa menangguhkan pengajian selama 2 tahun kerana kesibukan dalam bersukan," katanya.

Mun Yee pula menyifatkan majlis itu dapat menaikkan lagi semangat pelajar UPM untuk mengharumkan lagi nama universiti dan negara.

"Sepanjang pengajian, pihak universiti banyak memberikan kelonggaran kepada saya untuk meneruskan pengajian saya yang tertangguh selama 3 semester," katanya.



Naib Canselor memberi sijil kepada atlet lompat bergalah, Roslinda Samsu.

Berita asal oleh Hazwan Faisal Mohamad dan disunting oleh Seksyen Media Bahagian Komunikasi Korporat